



# **LAPORAN LIPUTAN MEDIA**

**KHAMIS / 18 JULY 2019**

- 1. DURIAN BESUT MANIS, ISI TEBAL**
  - **SINAR HARIAN**
  
- 2. BOT CEROBOH KAWASAN TANGKAPAN IKAN DITANGKAP**
  - **UTUSAN MALAYSIA**
  
- 3. PIG FARMERS URGED TO ACT AGAINST AFRICAN SWINE FEVER**
  - **THE STAR**

**DISEDIAKAN OLEH :**  
**CAWANGAN KOMUNIKASI KORPORAT**  
**(MADA)**

**KERATAN AKHBAR : SINAR HARIAN**

**TARIKH : 18 JULY 2019**

**PERKARA : PERTANIAN**

## **Durian Besut manis, isi tebal**

**JERTIH-** Durian daripada Besut bukan calang-calang kualitinya malah dikatakan setanding dengan raja buah dari beberapa kawasan di negara ini.

Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Terengganu, Fauzi Mohamed berkata, isi durian kampung Besut lebih enak dan berkualiti.

"Isinya tebal, lemak dan manis termasuk ulas berwarna kuning yang memang dinantikan penggemar durian," katanya.

Justeru katanya, raja buah dari kebun milik Kamaruddin Che Omar di Kampung Pengkalan Sentul dekat Seberang Jertih terpilih untuk dibawa ke Program Durian Day yang akan berlangsung di pekarangan Ibu Pejabat FAMA Terengganu, Kuala Terengganu pada 7 Ogos depan.

"Siri jelajah ke beberapa pasar tani di negeri ini telah diadakan dan mendapat sambutan baik orang ramai," katanya kepada pemberita ketika melawat kebun durian milik Kamaruddin, 61, di Pengkalan semalam.

Hadir sama pegawai kanan FAMA negeri dan Pegawai FAMA Besut, Abd Rashid Che Muda.

Fauzi berkata, sebanyak 30 hingga 40 metrik tan durian kampung dan klon akan dijual pada program tersebut termasuk dari Perak, Kedah, Pahang dan Johor.

Menurutnya jualan pada harga istimewa antara lima hingga 20 peratus berbanding harga pasaran.

"Kita juga bercadang menjual satu plastik dengan harga RM20 namun bergantung kepada bekalan. Orang ramai juga boleh membeli manggis dan petai," katanya.

Fauzi memberitahu, durian Terengganu dan Kelantan dijangka gugur dalam jumlah yang banyak pada awal bulan depan dan bakal dijual pada harga RM4 atau RM5 ke atas bagi sekilogram.



Fauzi (tiga dari kiri) melihat durian di kebun milik Kamaruddin di Kampung Pengkalan Sentul semalam.

KERATAN AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

TARIKH : 18 JULY 2019

PERKARA : PERIKANAN



SEBUAH bot tempatan dipercayai menceroboh kawasan tangkapan ikan ditahan Maritim Malaysia di Pulau Pinang, pagi semalam.

## Bot ceroboh kawasan tangkapan ikan ditahan

**PULAU PINANG 17 Julai** - Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) negeri menahan sebuah bot nelayan tempatan kelas C di kedudukan kira-kira 1.4 batu nautika dari utara Muka Head di sini kira-kira pukul 3.45 pagi tadi kerana dipercayai menceroboh kawasan tangkapan ikan.

Pengarah Maritim negeri, Kapten Maritim Hamizan Harun berkata, bot yang dinaiki seorang tekong lelaki warga Thailand berumur 50 tahun bersama dua awak-awak lelaki senegara berumur 52 tahun ditahan menerusi Operasi Pertiwi.

Beliau berkata, bot itu dipercayai melakukan kesalahan di bawah Seksyen 8(b) Akta Perikanan 1985 kerana melanggar syarat sah lesen iaitu menangkap ikan kurang 15 batu nautika dari

daratan terhampir.

“Bot berkenaan bersama satu gulung pukut tunda, dua besi tunda dan hasil tangkapan 1,500 kilogram (kg) ikan campur dibawa ke Jeti Batu Uban untuk siasatan dan tindakan lanjut,” katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Menurutnya, Maritim Malaysia memandang serius terhadap kesalahan di bawah Akta Perikanan 1985 terutama kesalahan yang melibatkan aktiviti menangkap ikan di luar dari zon yang ditetapkan oleh Jabatan Perikanan.

Sehubungan itu, beliau mengingatkan semua pengusaha bot supaya sentiasa mematuhi undang-undang lesen vesel dan menyeru komuniti maritim negeri ini bekerjasama dengan Maritim Malaysia.

KERATAN AKHBAR : THE STAR

TARIKH : 18 JULY 2019

PERKARA : PENTERNAKAN

## Pig farmers urged to act against African swine fever

By LOH FOON FONG  
foonfong@thestar.com.my

**SEPANG:** Pig farmers have been given two months to implement biosecurity measures to prevent the entry of the African swine fever (ASF) virus into Malaysia.

These include the wearing of a special uniform when entering a farm, dipping footwear in disinfectant, and disinfecting vehicles that enter and exit the farms.

ASF leads to high mortality rates in domestic pigs, with animal death possible in as short as a week. Outbreaks have been reported in China, Mongolia, Vietnam, Cambodia, North Korea and Laos – other than Belgium and Poland.

“Biosecurity in farms is the most important thing for farmers to prevent ASF,” said Deputy Agriculture and Agro-based Industries Minister Sim Tze Tzin.

“The government will start enforcing it in two months. If the farmers carry out the necessary measures, they are unlikely to get ASF,” he said after a dialogue with pig farmers on ASF prevention here yesterday.

Department of Veterinary Services (DVS) director-general Datuk Dr Quaza Nizamuddin said farmers must embrace a stringent biosecurity culture for their own good.

Dr Quaza added that those who failed to comply after the deadline could see their farming licences revoked.

Sim reminded stakeholders not to take the matter lightly as ASF has proven to be very damaging.

“Although ASF does not harm humans, the entire industry will suffer losses if ASF enters the country,” he said, adding that it took Spain 20 years to eliminate the virus.